

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan agama Islam terus dipelihara, dipertahan dan diperkasakan sebagai agama Persekutuan sebagaimana Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan termasuk langkah Kerajaan untuk menyeragamkan undang-undang Islam bagi seluruh negeri-negeri di dalam Persekutuan.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang berikut :

“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”

NO. SOALAN: 61

Dalam perkara ini, Kerajaan sentiasa komited untuk mengambil langkah bagi memastikan agama Islam terus terpelihara, dipertahan dan diperkasakan. Salah satu aspek yang diberi penekanan adalah pemerkasaan, penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah.

Sehingga hari ini, terdapat lima (5) undang-undang syariah utama yang telah diseragamkan oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia iaitu:

- a) undang-undang pentadbiran agama Islam;
- b) undang-undang keluarga Islam;
- c) undang-undang keterangan mahkamah syariah;
- d) undang-undang tatacara mal mahkamah syariah; dan
- e) undang-undang tatacara jenayah syariah.

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menggubal draf model undang-undang syariah bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang negeri-negeri di seluruh Malaysia. Antaranya, Kerajaan sedang dalam proses untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri seluruh Malaysia dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman.

Selain itu, beberapa penambahan peruntukan yang baharu akan turut dibuat, antaranya peruntukan yang memberikan budi bicara kepada mahkamah syariah untuk membuat perintah-perintah yang bersifat pemulihan (rehabilitative) agar undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri yang seragam kelak tidak dilihat hanya bersifat menghukum (punitive) semata-mata.

Terdapat juga beberapa penambahbaikan lain yang akan turut digubal, antaranya dengan memasukkan atau memperkemaskan elemen-elemen kesalahan bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Penambahbaikan tersebut dibuat bagi memudahkan pihak penguatkuasaan mengumpul keterangan dan pihak pendakwaan membuktikan sesuatu kes di mahkamah.

Sekian, terima kasih.